



Untuk Terbitan Media
11 Julai 2024

SIARAN MEDIA

PERKESO LANCAR OPS KESAN KE-15, BURU MAJIKAN CULAS ALERT: KOMPAUN DIKELUARKAN ATAS SEBARANG KESALAHAN, TIADA KOMPROMI

BANGI – Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) semalam telah melancarkan **Operasi Pengesanan Majikan (Ops Kesan) Peringkat Kebangsaan 2024** secara serentak melibatkan 54 pejabat PERKESO di seluruh negara.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed, berkata Ops Kesan Ke-15 dilaksanakan selepas Bulan Pemutihan yang memperuntukkan peluang kepada majikan untuk mendaftar dan mencarum pekerja tanpa dikenakan sebarang penalti, tamat pada 30 Jun lalu.

Katanya, sebanyak 15,540 majikan, selain 262,011 pekerja baharu yang layak mengikut Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) berdaftar dengan PERKESO

“Mengikut jumlah pekerja baharu yang didaftarkan, **90,068 daripadanya adalah pekerja tempatan** manakala **171,943 lagi ialah pekerja asing**.

“Perangkaan ini merekodkan peningkatan **30.5 peratus** bagi jumlah majikan dan **32.6 peratus** untuk jumlah pekerja berbanding tempoh sama tahun lalu.

“Jika dicongak dari segi kadar purata, terdapat **7,081 pekerja** dan **420 majikan berdaftar** dengan PERKESO **dalam waktu 24 jam**, sepanjang Bulan Pemutihan dilancarkan tahun ini,” katanya

pada sidang media selepas melancarkan Ops Kesan Peringkat Kebangsaan 2024, di sini, semalam.

Dr. Mohammed Azman berkata, Ops Kesan Ke-15 membabitkan penugasan hampir 1,000 anggota di seluruh negara adalah bukti bahawa PERKESO komited melindungi hak dan kebajikan pekerja, bukan sekadar 'wayang' atau 'cakap kosong' seperti tohmahan yang dimainkan di media sosial.

Menerusi operasi besar-besaran ini, jelasnya, semua majikan yang menggajikan sekurang-kurangnya seorang pekerja, tanpa mengira jumlah gaji, perlu mendaftarkan perusahaan dan pekerja mereka, sebagaimana peruntukan Seksyen 4 dan 5 (Akta 4), serta Seksyen 14 dan 16 (Akta 800).

"Sepanjang pelaksanaan Ops Kesan sejak 2009 hingga Jun 2024, sebanyak 22,251 Notis Kompaun dengan nilai berjumlah RM17 juta dikeluarkan kepada majikan yang gagal mendaftar perusahaan dan pekerja, manakala 24,500 kes sudah didakwa atas pelbagai kesalahan.

"Sehubungan itu, tiada kompromi daripada PERKESO apabila pemeriksaan dijalankan di premis majikan, dengan kompaun akan terus dikeluarkan sekiranya mereka didapati melakukan sebarang kesalahan.

"Malah, Ops Kesan Ke-15 akan dilaksanakan sepanjang tahun dan bukan secara bermusim kerana majikan sudah diberikan waktu secukupnya untuk melakukan pendaftaran perusahaan serta menunaikan hak pekerja ketika Bulan Pemutihan," katanya.

Setakat jam 6.00 petang semalam, sebanyak 4,408 lawatan pemeriksaan ke atas premis dilaksanakan Ops Kesan Ke-15 yang menyaksikan pengeluaran Notis Kompaun Akta 4 sebanyak 558 dan Akta 800 sebanyak 233 dengan keseluruhan notis dikeluarkan berjumlah 791 serta kumulatif kompaun bagi kedua-dua Akta adalah sebanyak RM654,500.

Berdasarkan perangkaan ini juga mendapati 18 peratus majikan gagal mematuhi undang-undang di bawah Akta 4 dan Akta 800.

Tamat

####

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan '*leaves no one behind*'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

11 Julai 2024

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Ikhlil Fatimah Kamal Redzuan

+6019-7107479

fatimah.redzuan@perkeso.gov.my